

23 AUG 2003

BN-Lompat

BN TIDAK LAGI BENARKAN ANGGOTA TUKAR PARTI

KUALA LUMPUR, 23 Ogos (Bernama) - Parti-parti komponen Barisan Nasional (BN) mengambil keputusan untuk tidak lagi membenarkan mana-mana anggotanya menukar parti dan mereka yang berbuat demikian menghadapi kemungkinan disingkir daripada parti gabungan itu, kata Setiausaha Agung BN Tan Sri Mohamed Rahmat hari ini.

Beliau berkata walaupun perbuatan melompat parti tidak begitu diambil kisah sebelum ini, tetapi selepas kejadian di Pulau Pinang, perbuatan sedemikian perlu dipandang serius.

"Sebagai sebuah parti, BN kini boleh mengambil tindakan kerana peraturan mengenainya sudah dibuat iaitu perbuatan melompat parti tidak lagi dibenarkan dan semua parti komponen tidak lagi dibenarkan menerima anggota yang melompat dari parti komponen lain," katanya kepada pemberita di luar Persidangan Perwakilan Kebangsaan Gerakan di sini, hari ini.

Persidangan dua hari itu dirasmikan oleh Perdana Menteri yang juga pengerusi BN, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Mohamed berkata keputusan mengenai larangan itu dibuat pada mesyuarat Dewan Tertinggi BN Januari tahun ini.

Katanya mesyuarat itu juga mengambil keputusan menggantung keanggotaan Lim Boo Chang (anggota Dewan Undang Negeri Datuk Keramat) dan Tan Ching Liang (Adun Jawi).

"Saya sebut perkara ini sekarang kerana ketika itu, semua orang memberi tumpuan kepada penggantungan Tan dan Lim manakala akhbar juga tidak bertanya mengenainya kepada kami," kata beliau.

Keputusan untuk tidak lagi membenarkan perbuatan melompat parti akan dimasukkan ke dalam kod etika yang sedang dirangka, kata Mohamed.

Ditanya mengenai proses pembahagian kerusi untuk pilihan raya umum akan datang, termasuk bagi 25 kerusi parlimen dan 63 kerusi negeri yang baru diwujudkan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya, beliau berkata setakat ini perkara itu belum dibincang secara khusus oleh parti-parti komponen BN.

Sementara itu, Presiden Gerakan Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik berkata perlu ada "peraturan" bagi menghalang pertukaran parti di kalangan anggota parti komponen.

Beliau berkata: "Jika ada peraturan bertulis, ia akan dapat dikuatkuasakan."

"Sebelum ini ada pemimpin parti tertentu yang tidak mengikut prinsip tidak membenarkan pertukaran dan pada masa depan, kita mahu diadakan peraturan mengenainya," katanya pada penghujung persidangan.

Beliau berkata Gerakan menyokong sepenuhnya keputusan BN itu dan mahu peraturan mengenainya dibuat secara bertulis sama ada sebagai "kod etika" atau dalam sebarang bentuk peraturan bertulis yang lain.

"Saya fikir masanya telah tiba bagi kita mengubah persepsi bahawa jika BN tidak menerima mereka, mereka akan melompat ke parti pembangkang. Itu alasan lemah dan BN perlu mempunyai kuasa mengambil tindakan ke atas mereka," katanya.

-- BERNAMA

AT HM MOZ